

KETOKOHAN TUAN GURU HAJI ABDUL WAHID BIN OTHTMAN DALAM BIDANG DAKWAH ISLAMIYYAH DI MELAKA

Azmi Budin

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: azmibudin@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Tuan Guru Haji Abdul Wahid merupakan tokoh pendakwah dan ulama yang tidak asing lagi di Malaysia khususnya di Melaka. Dikenali dengan gelaran Mualim Haji Wahid, beliau sering mengajar dan memberikan kuliah agama di merata tempat bagi meyebarkan lagi ilmu dan dakwah kepada masyarakat sekeliling. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan ketokohan Tuan Guru Haji Abdul Wahid dalam dakwah. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui latar belakang Tuan Guru Haji Abdul Wahid dan ketokohnya. Metode penyelidikan yang digunakan adalah temubual dan dokumentasi. Pengkaji telah menemubual anak Mualim Haji Wahid iaitu Ustaz Jamiluddin bin Wahid yang merupakan seorang mudir di Madrasah an-Nuriah ad-Diniah hingga kini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tuan Guru Haji Abdul Wahid merupakan tokoh dan ulama yang aktif dalam bidang dakwah serta mendapat pendidikan di dalam dan luar negara. Tuan Guru Haji Abdul Wahid ulama yang terkemuka dan berpengalaman dalam bidang politik. Ini dapat dilihat dalam jawatan yang pernah disandang iaitu sebagai Pengasas PAS Melaka. Beliau juga pengasas kepada penubuhan Madrasah an-Nuriah ad-Diniah pada tahun 1940. Diharapkan kertas kerja ini dapat dijadikan teladan kepada masyarakat umum dari sudut kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu dan ketokohnya.

Kata Kunci : Tokoh, Ulama, Mualim Haji Wahid, Pendakwah

THE PROMINENCE OF TUAN GURU HAJI ABDUL WAHID BIN OTHTMAN IN DA'WAH ISLAMIYYAH IN MELAKA

ABSTRACT

Tuan Guru Haji Abdul Wahid is a preacher and scholar who was very well-known in Malaysia, especially in Melaka. Known by the title of Mualim Haji

Wahid, he often taught and gave religious lectures everywhere to spread the knowledge and preaching to the community. Therefore, this paper will discuss the prominence of Tuan Guru Haji Abdul Wahid in da'wah. The objective of this study is to find out the background of Tuan Guru Haji Abdul Wahid and his greatness. The methods used were interviews and documentation. The researcher has interviewed the son of Mualim Haji Wahid regarding Ustaz Jamiluddin bin Wahid who is a mudir at Madrasah an-Nuriah ad-Diniah until now. The findings of the study show that Tuan Guru Haji Abdul Wahid is a figure and scholar who is active in the field of da'wah as well as obtaining education in and outside the country. Tuan Guru Haji Abdul Wahid is a well-known and experienced scholar in the field of politics. This can be seen in his position that has been seen as the Founder of PAS Melaka. He was also the founder of the establishment of Madrasah an-Nuriah ad-Diniah in 1940. It is hoped that this paper can set an example to the general public in terms of his great efforts in knowledge and prowess.

Keywords: *Figures, Scholars, Mualim Haji Wahid, Preacher*

PENGENALAN

Tuan Guru Haji Abdul Wahid bin Othman adalah seorang ulama dan pendakwah yang banyak memberi sumbangan dan jasa kepada seluruh masyarakat. Walaupun Tuan Guru Mualim Haji Wahid telah meninggal dunia, namun banyak sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh beliau, nama Mualim Haji Abdul Wahid kekal disebut hingga ke hari ini.⁴⁴ Beliau sering mengajar dan memberi kuliah agama di sekitar Malaysia khususnya di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Kuala Lumpur. Dalam kertas kerja ini membincangkan tentang ketokohan Tuan Guru Mualim Haji Wahid yang berkaitan latar belakang, pendidikan, perkahwinan, kitab yang digunakan semasa memberi kuliah agama, guru-guru yang beliau pernah pelajari, rakan-rakan seperjuangan dalam menuntut ilmu, penglibatan dalam bidang dakwah dan jawatan yang pernah disandang dan karya penulisan yang beliau hasilkan.

LATAR BELAKANG

Nama penuh beliau ialah Haji Abdul Wahid bin Othman, beliau juga mempunyai nama gelaran yang tersendiri iaitu Mualim Haji Wahid. Nama ayah beliau ialah Othman bin Ningkal dan ibu beliau bernama Siti Rahmah binti Yusuf. Ayah beliau hanya bekerja di kampung sahaja. Dilahirkan pada tahun 1910 di Kampung Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, Melaka. Beliau merupakan anak sulung daripada lapan orang adik beradik. Seramai lima orang terdiri daripada lelaki manakala tiga lagi daripada perempuan iaitu Haji Muslim, Abdul Majid, Abdul Mutalib, Zainab, Hasnah dan Yah. Beliau meninggal dunia pada 3

⁴⁴ Azmi Budin & Mohamad Nazli bin Omar, 2018. Sumbangan Mualim. hlmn 139.

Oktober 1990 kerana menghidap sakit tua dan dikebumikan di Batu 16, Solok Duku, Masjid Tanah, Melaka berdekatan dengan pusara Tuan Guru Haji Yaakub merupakan murid dan sahabatnya sendiri.

Perkahwinan

Tuan Guru Haji Abdul Wahid mendirikan rumah tangga pada tahun 1940an bersama isteri Wan Aisyah binti Wan Awang yang berasal daripada Kelantan. Semasa menuntut ilmu di Kelantan inilah Mualim Haji Wahid telah bertemu dengan isteri beliau dan meneruskan perkahwinan. Hasil daripada perkahwinan tersebut, pasangan tersebut dikurniakan tujuh orang anak yang terdiri daripada tiga lelaki dan empat perempuan. Anak anak beliau adalah Jalilah, Jaliluddin (84 tahun), Jamiluddin (76 tahun), Jamilah (73 tahun), Abdul Halim, Halimah Saadiah dan Muhammad Fadhullah (68 tahun). Namun begitu, tiga daripada mereka telah meninggal dunia ketika kecil iaitu Halimah Saadiah manakala lagi dua orang iaitu Jalilah dan Abdul Halim meninggal kerana sakit tua.⁴⁵

Selain itu, Mualim Haji Wahid juga mempunyai dua orang isteri lagi dimana isteri keduanya bernama Puan Hajjah Khadijah yang berasal dari Perak. Hasil perkahwinan dengan isteri kedua telah dikurniakan dua orang cahaya mata perempuan iaitu Marhamah dan Mardhiah.

Isteri ketiga beliau bernama Hajjah Zaleha binti Ibrahim yang berasal dari Masjid Tanah, Melaka. Ketentuan takdir Ilahi mentakdirkan Hajjah Zaleha akhirnya meninggal dunia tanpa meninggalkan seorang zuriat. Hasil perkongsian hidup dengan ketiga tiga isteri beliau dikurniakan seramai sembilan orang anak semuanya.⁴⁶

Pendidikan

Mualim Haji Wahid mula mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu Tangga Batu sehingga lulus Darjah Lima. Ketika berusia 14 tahun, beliau belajar agama di Palembang, Sumatera di bawah bimbingan Tuan Guru Haji Sultan merupakan seorang ulama yang terkenal. Beliau belajar di Sumatera selama setahun dan kemudian, beliau kembali ke Melaka dan memasuki Pondok Paya Rumput, Rumbia dan berguru dengan Tuan Guru Haji Mohd Zain Abdul Rahman. Selepas itu beliau memasuki Pondok Khairiyah, Batu Tujuh, Air Molek bagi mendalami lagi ilmu di bawah Tuan Guru Haji Abdul Majid.

Dua tahun kemudian beliau berguru pula dengan bapa saudaranya, Tuan Guru Haji Ahmad Kassim sehingga tahun 1931 Masihi. Seterusnya, beliau mula merantau mencari ilmu ke Kelantan dan belajar di beberapa buah pondok termasuk pondok yang dikendalikan serta dipimpin oleh Tok Kenali sendiri iaitu Pondok Buyut Payung di Kampung Paya, Kerian. Ketika berada di Pondok Bunut Payung, keilmuan beliau sudah diakui keilmuannya sehingga dilantik menjadi guru pembantu bersama Tuan Guru Haji Othman al-Yunusi dan Tuan

⁴⁵ Ustaz Jamiluddin bin Abdul Wahid (anak Mualim Haji Wahid), tembuial pada 3 Mei 2021

⁴⁶ Azmi Budin & Mohamad Nazli bin Omar, 2018. Sumbangan Mualim. hlmn 147-148

Guru Haji Hussein Rahimi. Mualim juga turut mendalami ilmu di Masjid Muhamadi di Kota Bharu iaitu Masjid dijadikan sebagai satu Insitusi Pendidikan iaitu Pusat Pengajian Islam Serantau yang terkenal di Nusantara pada tahun 1920- 1930-an. Pusat Pengajian Islam ini pernah dikendalikan oleh Tok Kenali bermula pada tahun 1915 Masehi.

Setelah selama sembilan tahun beliau telah menuntut ilmu iaitu pada tahun 1931 hingga 1940 di Kelantan yang dikenali sebagai negeri Serambi Mekah hingga kini. Maka, pada tahun 1940, beliau pulang ke Melaka dan berkhidmat di negeri kelahiran beliau sendiri setelah merantau ke pelbagai negeri dan pondok untuk menimba ilmu.

Dibawah ini disertakan secara ringkas senarai guru dan rakan seperjuangan Mualim Haji Wahid sepanjang dalam perjalanan menuntut dan mendalami ilmu. Antaranya:

Guru-guru Tuan Guru Mualim Haji Wahid:

1. Tuan Guru Ahmad Manan Tok Hakim
2. Mufti Haji Wan Musa Tuan Tabal
3. Tuan Guru Haji Ali Salahuddin Pulau Pisang
4. Tuan Guru Haji Yaakub Legor
5. Mufti Haji Ahmad Maher
6. Tuan Guru Haji Omar Nuruddin Sungai Keladi
7. Mufti Haji Mohd Noor Ibrahim
8. Tuan Guru Haji Said Kangkung
9. Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payung

Rakan seperjuangan Tuan Guru Mualim Haji Wahid:

1. Tuan Guru Haji Yahya Junid
2. Tuan Guru Haji Hussein Rahimi
3. Tuan Guru Haji Ghazali Pulau Chondong
4. Tuan Guru Haji Othman Yunus
5. Tuan Guru Haji Nik Mat Alim
6. Tuan Guru Haji Awang Muhammad Rusila

PENGLIBATAN DALAM BIDANG DAKWAH

Menurut Berhanuddin Abdullah (2000), dakwah adalah bahagian daripada kehidupan dan tanggungjawab setiap Muslim. Setiap gerak geri seorang Muslim sepatutnya berlandaskan atas kesedaran untuk mengamalkan Islam dan menyebarkan syiarnya di samping mendidik masyarakat dengan nilai-nilai Islam yang sebenar. Dakwah boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan keadaan pendakwah mahupun keadaan sasaran dakwahnya. Dakwah boleh berbentuk individu, kumpulan dan institusi. Apapun bentuknya, namun dakwah mestilah memiliki perancangan yang teliti, matang dan rasional.

Penubuhan Madrasah An-Nuriah

Pada 12 Ogos 1940 bersamaan dengan 8 Rejab 1358H Mualim Haji Wahid telah membina Madrasah an-Nuriah ad-Diniah bertempat di Kampung Paya Rumput, adalah untuk membantu anak-anak yatim dan mereka yang tidak berkemampuan terutama dari segi kewangan untuk mendapatkan didikan agama. Kesemua penduduk di kawasan tersebut bersenang hati malah bersatu padu dalam memastikan kejayaan pembinaan madrasah tersebut. Madrasah ini bermula dengan terdiri sebuah asrama pelajar perempuan dan lapan buah pondok bagi pelajar lelaki.

Pada tahun 1950-an, madrasah ini telah membina 100 buah pondok dengan lebih 350 pelajar. Ketika ini, madrasah yang didirikan oleh Mualim agak terkenal dan mendapat perhatian ramai. Pada tahun 1960, pelajar lelaki dipindahkan ke kampung Sungai Udang dan dibina bangunan sekolah satu tingkat serta beberapa buah pondok untuk mereka. Ketika tahun 1960-an berlaku insiden kebakaran di asrama madrasah an-Nuriah ad-Diniah sehingga melibatkan rumah Mualim Haji Wahid ketika ini. Tiada kemalangan jiwa yang dilaporkan cuma melibatkan kemusnahan asrama pelajar perempuan. Rumah Mualim Haji Wahid yang juga turut terjejas telah mengakibatkan banyak kitab dan risalah yang dihasilkan oleh Mualim turut terbakar dan tidak dapat diselamatkan. Sehingga kini, punca kepada insiden tersebut tidak diketahui dan tidak dapat dikenalpasti.

Melalui penubuhan Madrasah an-Nuriah ad-Diniah yang mempunyai sistem pondok dalam menjalankan aktiviti pendidikannya, Mualim telah mengajarkan pelbagai ilmu seperti ilmu hadis, tafsir, tasawwuf, ilmu fiqh dan nahu sarf kepada para penuntut madrasah. Rutin Mualim pada waktu Subuh dan malam jika berkelapangan beliau akan mengajar di madrasah tersebut manakala pada waktu pagi hingga tengahari beliau akan sibuk mengajar kuliah agama di pelbagai tempat.

Pada tahun 2000, sistem madrasah ini telah ditukarkan kepada maahad dimana sistem pondok diubah menjadi sistem persekolahan berteraskan nilai-nilai kepondokan. Ia mempunyai sistem akademik seperti sekolah menengah harian. Ia juga mempunyai Sijil Menengah Ugama (SMU) untuk pelajar tingkatan 4 yang mempunyai silibus seperti akidah, tauhid, hadis, tafsir, sirah dan sebagainya. Kini, jumlah muridnya seramai 120 orang termasuk lelaki dan perempuan.⁴⁷

Penubuhan Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin (PAYASUM)

Islam mengajar untuk berbuat baik terhadap semua golongan terutama terhadap anak-anak yatim. Anak yatim merupakan anak yang telah kehilangan ibu atau ayah atau kedua-duanya sekali. Bagi anak-anak yatim yang masih tidak mampu untuk menguruskan dirinya lagi kerana usia yang masih muda maka mereka ini akan ditempatkan di suatu institusi pihak kerajaan atau bukan atau organisasi

⁴⁷ Ustaz Jamiluddin bin Abdul Wahid (anak Mualim Haji Wahid), tembual pada 3 Mei 2021

agar kehidupan mereka lebih terjamin serta mendapat hak-hak yang sepatutnya. Firman Allah taala dalam al-Quran yang bermaksud:⁴⁸

Maksudnya: Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah Engkau berlaku kasar terhadapnya, Adapun orang Yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah Engkau tengking herdik; Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah Engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya. (Surah Ad-Dhuha,93:9-11)

Selaras dengan itu, anak-anak yatim bukan sahaja perlu diberi perhatian dari segi makan minum, bahkan ajaran Islam menekankan kepada pemberian kasih sayang kepada mereka, memberi pendidikan, melibatkan mereka dengan kerja-kerja masyarakat seperti gotong royong dan memastikan kebajikan mereka terbelas.⁴⁹

Usaha untuk memelihara anak-anak yatim dimulakan dengan penubuhan asrama yang diberi nama Darul Aitam pada tahun 1954. Asrama itu boleh memuatkan seramai 60 orang anak-anak yatim lelaki. Pada bulan Mac 1963, Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin telah didaftarkan dengan No. Pendaftaran 1116 (Melaka). Pengerusinya ialah Tuan Guru Haji Abdul Wahid sendiri dibantu oleh Tuan Hj Aman Bin Bachik yang dilantik sebagai setiausaha dan pegawai syarak Kariah Paya Rumput ketika itu. Pada peringkat permulaan, penjagaan anak-anak yatim seramai 80 orang lelaki dan 50 orang perempuan. Dikatakan sumber perbelanjaan bagi menampung pengurusan anak yatim tersebut ialah melalui bantuan dan sumbangan orang ramai.

Ini dapat dilihat antara usaha Muallim dalam membantu masyarakat sekeliling terutamanya anak-anak yatim dan miskin agar mendapat pendidikan dan penjagaan yang baik agar tidak ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan. Orang ramai juga banyak memberikan sumbangan dan bantuan agar penubuhan PAYASUM ini berkekalan hingga pada masa akan datang. Kini, PAYASUM juga sudah dibantu oleh pihak kerajaan negeri.

Memberi Ceramah Dan Kuliah Agama Di Dalam Dan Luar Negeri

Muallim sangat bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah kepada orang ramai di luar sana. Beliau mengajar menggunakan kitab-kitab yang telah dipelajari oleh beliau seperti kitab fekah, tauhid dan sebagainya. Beliau juga sering memberi kuliah agama di luar negeri Melaka seperti Negeri Sembilan, Johor dan Kuala Lumpur. Antara kitab yang diguna ialah:

1. *Kitab Musalli*
2. *Fath al-Qarib*
3. *Iqna*
4. *Matan Zubad*

⁴⁸ Al-Quran, Ad-Dhuha 93: 9-11

⁴⁹ Dato' Prof. Dr. Amir Awang, Rusimah Sayuti, Zakiyah Jamaluddin, Chan Cheong Chong, 2004, Permasalahan Anak Yatim, hlmn 1.

5. *Wishah al-Afrah (fiqh)*
6. *Minhaj al-Abidin*
7. *al-Durr al-Nafis*
8. *Sayr al-Salikin*
9. *Taj al-Arus (tasawwuf)*

Kebanyakan aktiviti dakwah beliau tertumpu di Malaysia khususnya di negeri kelahiran beliau ini. Beliau juga dikatakan jika pada waktu pagi mengajar di Madrasah an-Nuriah maka waktu tengahari atau petang beliau akan mengajar di surau dan masjid yang berdekatan. Begitulah rutin seorang pendakwah yang tidak jemu dalam memberi ilmu kepada masyarakat setempat agar dapat mewujudkan masyarakat yang cakna akan ilmu agama. Jawatan yang pernah disandang:⁵⁰

1. Pengasas Madrasah an-Nuriah ad-Diniah (1940)
2. Ahli jawatankuasa cawangan Melaka All-Malayan Islamic Missionary
3. Pengasas PAS Melaka (1956)
4. Pengerusi Lembaga Pengurusan Anak Yatim dan Miskin (1963)
5. Ketua Dewan Ulama PAS Melaka (1960- 1987)

Karya Hasil Penulisan

Ketekunan Mualim dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat sekeliling bukan sahaja dengan mengajar ilmu agama malah dengan penghasilan karya, buku dan kitab yang pelbagai yang boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang. Menurut sumber Mualim banyak menghasilkan karya penulisan akan tetapi satu insiden iaitu kebakaran yang melanda di madrasah beliau pada tahun 1960-an sehingga merebak ke rumah beliau telah menyebabkan banyak buku dan kitab yang dikarang oleh Mualim habis terbakar. Punca kebakaran tersebut sehingga kini tak dapat dikenalpasti.

Mualim banyak menghasilkan penulisan kitab dalam Jawi, Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Antara hasil sumbangan beliau dalam penulisan karya ialah *Kitab al-Salam, Risalah Ilmu Falak* dan risalah risalah kecil yang melebihi 10 judul. Jika diteliti semula, banyak lagi buku dan kitab yang tidak dapat diselamatkan ketikan insiden kebakaran itu berlaku.

PRINSIP MUALIM HAJI WAHID

Ketinggian ilmu dan akhlak pekerti seperti Mualim Haji Wahid membuatkan beliau sentiasa dihormati oleh orang ramai. Sifat-sifat beliau yang sangat mementingkan ilmu agama dapat dilihat melalui sumbangan beliau dalam dakwah terutama di negeri Melaka ini. Beliau terkenal dengan sifat yang sentiasa suka membantu orang dalam pelbagai aspek sepertinya dalam pendidikan, kewangan dan sebagainya.

⁵⁰ Ustaz Jamiluddin bin Abdul Wahid (anak Mualim Haji Wahid), tembual pada 3 Mei 2021

Beliau amat menitikberatkan pembelajaran dan ilmu kepada anak muridnya. Terkenal dengan sifat ketegasan yang ada pada beliau menyebabkan semua pelajar di Madrasah an-Nuriah ad-Diniah khususnya amat menghormati beliau. Beliau amat tegas kepada anak muridnya mengenai solat dan ilmu pembelajaran. Bagi Muallim penting untuk seorang pelajar mempelajari ilmu dan menunaikan solat kerana ia merupakan asas yang penting bagi seorang pelajar.

Selain itu, beliau juga sering dan suka membantu masyarakat setempat yang mengalami kesusahan dengan pelbagai cara. Ini juga dapat dilihat penubuhan Madrasah an-Nuriah ad-Diniah dan Lembaga Pengurusan Anak Yatim dan Miskin yang dapat membantu anak-anak yatim atau yang tidak berkemampuan untuk belajar dan menuntut ilmu. Mempunyai prinsip beliau tidak akan pernah menolak jika ada yang meminta bantuan daripada beliau dan akan dibantu sama ada dari segi kewangan, makanan dan sebagainya. Ini membuatkan ramai masyarakat sekeliling amat menyukai dengan peribadi yang ada pada diri beliau.

Dengan mempunyai pegangan hidup seperti ini, membuatkan beliau amat disenangi oleh semua orang daripada pelbagai peringkat sama ada pelajar atau masyarakat setempat. Ilmu-ilmu dakwah juga yang disampaikan oleh beliau juga dapat mendapat sambutan yang amat baik daripada semua orang. Ini dapat dilihat apabila anak beliau menceritakan pengalaman mengikuti bapanya iaitu Muallim Haji Wahid mengajar kuliah agama di surau atau masjid, pasti akan sentiasa mendapat sambutan masyarakat. Sebelum memulakan majlis ilmu, Muallim akan membaca doanya tersendiri.

Oleh itu, menurut Khairul Fodli (2010), pendakwah yang menghiasi dirinya dengan akhlak yang baik dan menjauhkan diri daripada akhlak yang tidak baik maka kesannya membawa kepada perubahan adalah besar dan kedinamikannya pada mata masyarakat adalah luar biasa. Maka, akan terjalinlah hubungan mesra dan saling mempercayai antara pendakwah dengan orang yang didakwah.

PANDANGAN MENGENAI MUALIM HAJI WAHID

Seseorang yang terkenal dengan ketokohan dan sifat akhlak yang begitu tinggi pekertinya dalam kalangan masyarakat menyebabkan Muallim Haji Wahid sangat disenangi oleh semua orang daripada pelbagai pelosok di Malaysia ini. Beliau juga diceritakan mempunyai sifat dermawan dan mempunyai karomah.

Ini dapat dilihat beliau sentiasa suka bersedekah kepada tetamu yang mengunjungi rumah beliau. Muallim Haji Wahid amat memuliakan tetamu yang hadir dan sentiasa memberi pemberian seperti makanan kepada tetamu yang hadir. Ini menunjukkan sikap yang amat baik dengan memuliakan tetamu dan sering bersedekah kepada orang lain.

Pengertian dari karomah itu sendiri menurut Abul Qasim al-Qusyairi yaitu karomah merupakan suatu aktiviti yang dianggap sebagai hal yang bertentangan dengan adat kebiasaan manusia pada umumnya, yaitu dapat juga dianggap sebagai realiti sifat wali-wali Allah tentang sebuah makna kebenaran dalam situasi yang dianggap kurang baik. Karomah ini juga dapat dianggap sebagai hal

yang sangat luar biasa yang diberikan oleh Allah kepada kekasih-kekasih pilihanNya.⁵¹

Antara karomah yang dimiliki oleh Tuan Guru Mualim Haji Wahid ialah beliau menggantikan air dengan minyak untuk menggerakkan kereta ketika dalam perjalanan ke suatu tempat. Peristiwa ini diketahui oleh pelajarnya yang ketika itu mengikuti beliau mengajar akan tetapi dirahsiakan hingga Mualim meninggal dunia. Ini menunjukkan bahawa Mualim ini bukanlah pendakwah yang biasa malah merupakan wali Allah yang dikurniakan karomah tertentu.

Maka, dapat dilihat disini Tuan Guru Mualim Haji Wahid merupakan seorang pendakwah yang mempunyai sifat dan akhlak yang tinggi seta dikurniakan karomah menunjukkan Mualim merupakan seorang ulama dan wali Allah yang terpilih.

PENUTUP

Tuan Guru Mualim Haji Wahid merupakan pengajar dan ulama yang aktif dalam bidang dakwah, beliau mendapat pendidikan di dalam dan luar negara. Ini dapat dilihat dalam perjalanan Mualim Haji Wahid dalam menuntut ilmu beliau peri merantau ke serata tempat sebelum pulang dan berbakti terhadap negeri sendiri. Beliau juga berpengalaman dalam bidang politik apabila memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa PAS dan merupakan pengasas PAS yang pertama di Melaka.

Mualim juga telah mengasaskan Madrasah an-Nuriah ad-Diniah dan kini diseliakan oleh anak beliau iaitu Ustaz Jamiluddin bin Wahid. Selain itu, dengan penubuhan Lembaga Pengurusan Anak Yatim dan Miskin yang amat membantu anak-anak yatim dan yang keluarga tidak berkemampuan untuk menghantar anak mereka dalam pembelajaran. Moga ini dapat dijadikan teladan kepada masyarakat umum dari kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu dan ketokohnya.

RUJUKAN

- Abul Qasim al-Qusyairi. 1988. *Risalah Qusyairiyah*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Azmi Budin & Mohamad Nazli bin Omar. 2018. *Sumbangan Mualim Haji Wahid dalam Bidang Dakwah di Melaka* Jurnal Maw'ziah Jilid 1:137-153. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Berhanudin Abdullah. 2000. "Pentadbiran Organisasi Dakwah" dalam Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dato' Prof. Dr. Amir Awang, Rusimah Sayuti, Zakiyah Jamaluddin & Chan Cheong Chong. 2004. *Permasalahan Anak Yatim di Institusi Kebajikan Anak Yatim*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Khoirul Fadli. 2010. *Peranan Pendakwah dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Medan Indonesia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

⁵¹ Abdul Qasim al- Qusyairi, 1988. *Risalah Qusyairiah*. hlmn 525

Ketokohan Tuan Guru Haji Abdul Wahid Bin Othman
Dalam Bidang Dakwah Islamiyyah Di Melaka
Azmi Budin

Ustaz Jamiluddin bin Wahid. 2021. Ketokohan Mualim Haji Wahid dalam Bidang Dakwah. Temubual. 3 Mei 2021, 11.00 pagi bertempat di Madrasah an-Nuriah ad-Diniah.